KERATAN AKHBAR

JUDUL AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 7/10/2026

MUKA SURAT : 10

Warga emas didakwa rogol gadis dalam tandas

GEORGE TOWN: Seorang lelaki warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan iaitu merogol dan melakukan persetubuhan bertentangan aturan tabii terhadap seorang gadis di sebuah pusat beli-belah, minggu lepas.

Tertuduh, Chuah Cheng Seng, 71, yang juga seorang pesakit kencing manis bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan itu dibacakan dalam dialek Hokkien di hadapan Hakim Juraidah Abbas.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol mangsa iaitu seorang gadis berusia 18 tahun di tandas lelaki tingkat dua, sebuah pusat-beli belah di Persiaran Gurney di sini, kira-kira pukul 4.30 petang pada 1 Oktober lalu.

Atas kesalahan itu, tertuduh didakwa dilakukan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta boleh dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Sementara itu, bagi pertuduhan kedua, dia dituduh dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii ke atas mangsa pada masa dan lokasi yang sama dengan pertuduhan pertama.

Pertuduhan bagi kesalahan ini pula dibuat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara lima hingga 20 tahun serta sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Anuarul Hakim Abdul Muen manakala tertuduh diwakili peguam, K. Mahendran.

Ketika prosiding, Anuarul Hakim menawarkan wang jaminan sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan selain memohon beberapa syarat tambahan termasuk mahu tertuduh melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga kes selesai, tidak mengganggu saksi pendakwaan termasuk mangsa serta menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM14,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin warga tempatan selain bersetuju dengan syarat-syarat tambahan yang dipohon oleh pihak pendakwaan. Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 16 November depan.